

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
(PASIR PUTEH)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan melalui pelaksanaan sistem perbankan Islam, sejauh manakah pencapaiannya berbanding dengan sistem perbankan konvensional. Di manakah peranan Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan aset kewangan negara tanpa riba bagi menjayakan perbankan Islam di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor kewangan Islam adalah komponen penting dalam sistem

kewangan di Malaysia. Ini terbukti berdasarkan petunjuk-petunjuk berikut:

- i. Statistik sehingga bulan Jun 2014 menunjukkan bahawa sukuk merangkumi lebih separuh (51.4% atau RM545 bilion) daripada jumlah sukuk dan bon di dalam pasaran modal Malaysia.
- ii. Sehingga 31 Disember 2014, satu per empat (25.6% atau RM625 bilion) daripada jumlah keseluruhan aset perbankan di Malaysia dimiliki oleh bank-bank Islam. Sektor ini telah menunjukkan perkembangan yang konsisten, mencatatkan kadar pertumbuhan purata kumulatif (CAGR) 15.6% sepanjang lima tahun lepas (2009-2014).
- iii. Pada tempoh yang sama, jumlah takaful aset telah menokok pada kadar pertumbuhan purata kumulatif (CAGR) 14.5% dan kini mencecah kadar penembusan pasaran sebanyak 14.5% (insurans: 37.5%). Hampir dua per tiga (61.4%) daripada nilai keseluruhan pasaran ekuiti yang tersenarai di Bursa Malaysia terdiri daripada ekuiti patuh Syariah.

Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) memainkan peranan penting dalam membangunkan prasarana kewangan Islam serta melaksanakan dasar-dasar penting bagi mengawal selia dan memastikan kestabilan sistem kewangan Islam seperti berikut:

- i. BNM telah mewujudkan rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan yang jelas bagi memacu pertumbuhan sektor kewangan Islam. Di samping pengiktirafan undang-undang oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, kewujudan Jawatankuasa Pengharmonian Undang-undang merupakan inisiatif penting bagi menyemak secara objektif undang-undang yang berkaitan di Malaysia dan memastikan kecekapan pelaksanaan kewangan Islam. Sehingga kini, Jawatankuasa tersebut telah menambah baik 17 undang-undang bagi mengelakkan sebarang halangan undang-undang dalam pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia.
- ii. Pelbagai langkah strategik bagi memajukan sistem kewangan Islam sedang giat dilaksanakan berdasarkan Pelan Tindakan Kewangan 2011-2020 yang diterbitkan oleh BNM. Matlamat utama pelan tindakan tersebut adalah menyediakan persekitaran yang lebih kondusif, menggalakkan kepelbagaian aktiviti perniagaan dalam kalangan para pemain industri dan meningkatkan kemampuan Malaysia dalam memudah cara aliran kewangan merentas sempadan.

- iii. Dalam bidang Syariah, BNM telah mempelopori pendekatan berpusat tadbir urus Syariah dengan mewujudkan Majlis Penasihat Syariah. Model tadbir urus ini telah dicontohi oleh pelbagai negara luar termasuk Nigeria, Pakistan dan Oman. Malahan, dua orang cendekiawan Syariah negara telah dilantik sebagai ahli Lembaga Syariah Kebangsaan di negara Oman dan Nigeria. BNM juga giat mengeluarkan piawaian Syariah dan pengendalian operasi bagi kontrak-kontrak Syariah yang utama di dalam memastikan bank-bank Islam mengamalkan pengurusan risiko, tadbir urus, dan penzahiran maklumat yang utuh.
- iv. Bagi melahirkan kepakaran tenaga kerja dalam bidang kewangan Islam, INCEIF (*International Centre for Education in Islamic Finance*) telah ditubuhkan pada tahun 2006 sebagai satu-satunya universiti bertaraf global yang menawarkan program pasca-siswazah dalam pengkhususan bidang kewangan Islam. INCEIF telah berjaya menghasilkan 830 orang graduan dari 36 buah negara.
- v. Kerajaan dan pihak BNM juga berperanan aktif dalam penerbitan sukuk bagi menyediakan tanda aras (*benchmark*) dalam pasaran sukuk dan memudahkan pengurusan mudah tunai (*liquidity management*) dalam sektor kewangan Islam. Sehingga bulan Disember 2014, sebanyak

RM250.4 bilion sukuk terkumpul merupakan terbitan Kerajaan dan BNM. Jumlah ini mencakupi 41% daripada nilai keseluruhan pasaran sukuk di Malaysia.